

# Keputusan galak rakyat melancong dalam negara

BH  
27/7/17  
mls 5

**Kuching:** Kerajaan Sarawak menyambut baik langkah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mengecualikan rakyat Malaysia daripada Cukai Pelancongan.

Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan negeri, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, berkata keputusan itu tepat dan menyifatkannya sebagai berita baik untuk semua rakyat negara ini.

“Sebarang berita mengenai pengecualian rakyat Malaysia daripada membayar cukai itu adalah amat dialu-alukan. Saya memang mengharapkan pandangan daripada pemain industri pelancongan dan orang ramai diteliti sebelum pelaksanaan Cukai Pelancongan.

“Terima kasih kerana membuat keputusan ini yang menjamin tidak meletakkan beban tambahan kepada rakyat Malaysia,” katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

## Keputusan langkah terbaik

Di Kota Kinabalu, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, menyifatkan keputusan itu langkah terbaik memajukan pelancongan domestik.

Beliau berkata, industri pelancongan negara ini terbukti mampu bertahan, walaupun dalam kea-

daan ekonomi yang kurang baik, malah sektor itu menjadi penyelamat kepada negara dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

“Baik atau buruk (keadaan ekonomi) orang ramai masih melancong. Mereka pandai menyesuaikan destinasi mengikut kemampuan kewangan masing-masing dan dalam kebanyakan kes, pilihan mereka adalah percutian keluarga dalam negara.

“Oleh itu, kita perlu buat lebih lagi untuk menggalakkan pelancongan domestik,” katanya.

## Miliki kelebihan sendiri

Masidi berkata, Sabah memiliki kelebihan tersendiri dari segi keindahan alam semula jadi yang terbaik sebagai tarikan utama yang sering menggamit kedatangan pelancong domestik.

Katanya, faktor perhubungan menghalang kedatangan lebih ramai pelancong tetapi ia bukan masalah utama berikutan ada lebih 400 penerbangan seminggu menghubungkan negeri ini dengan destinasi lain seluruh negara.

“Aspek lain yang boleh menghalang kedatangan pelancong seperti cukai yang tidak perlu, wajar dimansuhkan bagi menggalakkan rakyat tempatan melancong dalam negara,” katanya.

## PENYEDIA PENGINAPAN MENGIKUT NEGERI

Negeri	MOTAC (setakat Mac 2017)	Agoda.com	Airbnb (sewa aktif sejak April 2017)
● Perlis	37	52	
● Kedah	116	630	
● Pulau Pinang	146	1,210	1,447
● Perak	207	655	654
● Selangor	325	363	1,561
● Negeri Sembilan	124	209	
● Melaka	260	824	832
● Johor	284	815	1,150
● Pahang	307	616	
● Kelantan	141	249	
● Terengganu	139	224	
● Sabah	420	719	708
● Sarawak	266	435	
● WP Kuala Lumpur	309	2,553	5,346
● WP Putrajaya	5		
● WP Labuan	40	24	
<b>Jumlah</b>	<b>3,126</b>	<b>9,578</b>	<b>11,698</b>